

# Dapur tak berasap

Budaya yang semakin berkembang dalam masyarakat moden

Oleh Hasnidarwina Hasim

bhsastera@nstp.com.my

**J**IKA dulu anak akan berbangga dengan air tangan ibu apabila menikmati makanan masakan mereka, tetapi kini jarang sekali perkara seumpama ini diberi perhatian meskipun ia tetap menjadi kebanggaan keluarga sekiranya kelebihan terbabit masih dimiliki.

Perubahan gaya hidup moden yang menyaksikan semakin ramai wanita 'terpaksa' bekerja kerana mempunyai kelayakan untuk berbuat demikian selain bagi membantu mengukuhkan ekonomi keluarga, turut mengundang kepada situasi dapur tak berasap!

Ibu yang juga wanita bekerjaya apa lagi yang menjawat jawatan tinggi lebih banyak menghabiskan masa di pejabat berbanding di rumah sehingga memaksa mereka mencari jalan penyelesaian penyediaan makanan untuk seisi keluarga dengan makan di luar.

Ketua Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ismi Arif Ismail, berkata antara faktor yang menyebabkan budaya memasak luntur kerana perubahan cara hidup masyarakat moden.

"Semakin ramai wanita memegang jawatan profesional sehingga kesuntukan masa untuk menjalankan tugas itu dan jalan mudah menyelesaikan tugas yang selama ini dipikul wanita ialah mengajak ahli keluarga makan di luar," katanya pada pertemuan dengan *Sastera* di Serdang, baru-baru ini.

Segala-galanya itu dilakukan dengan harapan sedikit masa yang terluang boleh digunakan untuk membasuh dan menggosok pakaian serta menguruskan keperluan harian anak, tetapi



**“**Untuk membolehkan budaya dapur berasap berlangsung dalam sesebuah keluarga, budaya memasak di rumah perlu dilakukan sejak awal perkahwinan oleh setiap pasangan kerana ia juga menyumbang kepada keharmonian rumah tangga”

**Dr Ismi Arif Ismail**

Ketua Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, UPM


mereka sudah terlepas peluang untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan di meja makan.

"Waktu makan paling penting dalam kehidupan sesebuah keluarga kerana masa ini seluruh ahli akan berkumpul dan ibu bapa berpeluang berkomunikasi dengan anak selepas seharian sibuk dengan tugas di pejabat," jelasnya.

Baginya perubahan yang semakin mendapat tempat dalam masyarakat Malaysia kini akan menyumbang kepada keruntuhan institusi

**Kenapa tak masak yang ringkas aja. Satu keluarga boleh duduk semeja dan bersebang.**

**Macam mana dah terlalu letih dan makan pun sikit aja. Buat penat badan dan buang masa aja.**



**Apa pun pilihan, tepuk dada tanya selera!**



**“Budaya dapur tidak berasap jika berterusan akan menjejaskan hubungan kekeluargaan dalam jangka panjang. Bagaimanapun tidak salah untuk membeli makanan di luar dan seisi keluarga menikmatinya di rumah kerana pendekatan terbabit dapat mengatasi masalah ini”**

**Nik Shahrizan  
Nik Mad**

*Penolong Pendaftar, Akademi Pengajian Melayu, UM*

kekeluargaan kerana ahli keluarga tidak lagi dapat berkongsi pengalaman dan kisah ketika di meja makan.

"Mereka tidak berpeluang melakukan ini kerana tidak banyak masa dapat diluahkan di meja makan dan terpaksa berjaga-jaga ketika berkongsi cerita bagi mengelakkan kisah yang dikongsi daripada didengari pihak lain," ujarnya.

Selain itu, keluarga yang memilih untuk makan di luar sebenarnya terdedah kepada bahaya makanan tidak bersih dan boleh menjejaskan kesihatan di samping kecenderungan mengambil makanan kurang khasiat serta terdedah tinggi kepada makanan berperisa.

Justeru, beliau menasihatkan wanita berkerjaya agar mengatur strategi bagi mengembalikan budaya memasak di rumah dengan menyediakan menu ringkas, menggalakkan anak mencuci dan memotong sayur-sayuran, manakala suami mengambil sikap sedia untuk tidak banyak kerenah.

"Memandangkan isteri

sudah membantu meningkatkan ekonomi keluarga, suami sewajarnya ringan tulang dengan membantu isteri. Pasti mereka juga boleh sekali sekala memasak nasi, menggoreng sayur, ikan atau ayam," ujarnya yang termasuk dalam kelompok suami ringan tulang.

Penolong Pendaftar, Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM), Nik Shahrizan Nik Mad, pula melihat senario dapur tidak berasap sebagai kelemahan wanita dan akan memberi kesan negatif kepada keluarga mereka sehingga dianggap sebagai tidak tahu mendidik anak.

"Zaman dulu anak perempuan yang sudah cukup umur berusia sekitar 15 hingga 17 tahun akan diajar memasak. Anak perempuan yang tidak tahu memasak akan dianggap tidak layak untuk berkahwin apatah lagi untuk berkeluarga," jelasnya.

Bagaimanapun, baginya konsep seperti itu sudah tidak relevan ekoran peralihan zaman dan suatu perkara

biasa jika dapur tidak berasap, memandangkan semakin ramai isteri juga berfungsi sebagai perkara terbabit diterima umum.

"Hakikat dapur tidak berasap terpaksa diterima kerana sesetengah daripada kita sudah keluar bekerja sejak jam 6.30 pagi untuk ke pejabat bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas dan pulang pada jam 8 atau 9 malam dalam keadaan keletihan dan memasak sudah menjadi perkara kedua," jelasnya.